

KERETA dipandu Mohd Safie remuk di bahagian belakang akibat nahas.

Rempuhan bas persiaran

■ Budak 4 tahun nyaris maut terhumban ke papan pemuka

Oleh Junaidi Ladjana

djuns@mediaprima.com.my

Kota Kinabalu

Metro 10/1/13
MS 28

Seorang kanak-kanak perempuan berusia empat tahun yang duduk di kerusi penumpang belakang nyaris maut apabila terhumban ke papan pemuka ketika kenderaan dinaikinya dirempuh dari belakang oleh bas persiaran di persimpangan lampu isyarat Jalan Kota Kinabalu-Sepanggar, di sini, kelmarin.

Dalam kejadian pada jam 10 malam itu, Haliza Farah Mohd Safie patah tulang pipi manakala bapanya yang memandu, Mohd Safie Mat Salleh dan ibunya, Juselin Suhuri masing-masing berusia 27 tahun cedera ringan. Turut cedera dua lagi anak pasangan itu, Harini Amanda, 6, serta Akilah Khair, 1, dan mereka dirawat di Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Likas.

Bagaimanapun, pemandu bas dan semua penumpangnya tidak cedera.

Difahamkan, lima sekeluarga itu dalam perjalanan pulang ke rumah mereka di Kampung Gentisan selepas makan malam apabila dirempuh bas per-

“Setiba di lokasi kejadian, saya memberhentikan kereta kerana lampu isyarat merah. Tiba-tiba sebuah bas merempuh kereta saya dari belakang”

Hashimah Adnan

siaran membawa empat pelancong Korea.

“Setiba di lokasi kejadian, saya memberhentikan kereta kerana lampu isyarat merah. Tiba-tiba sebuah bas merempuh kereta saya dari belakang,” kata Mohd Safie.

Menurutnya, seorang pengguna yang kebetulan melalui jalan itu membantu membawa mereka ke hospital.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kota Kinabalu, Asisten Komisioner Jauteh Dikon ketika dihubungi mengesahkan kejadian dan siasatan lanjut sedang dijalankan.

“Bas persiaran itu membawa empat pelancong dipercayai dalam perjalanan ke Tuaran ketika kemalangan berlaku,” katanya.